



02 NOV, 2022

Program Pemilik Pintar JV Smart Vending mampu jana pendapatan kepada usahawan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 3

Program Pemilik Pintar JV Smart Vending mampu jana pendapatan kepada usahawan

MIRI: Revolusi Perindustrian Keempat atau Revolusi Industri 4.0 berkonsepkan penggunaan automasi pintar memberi impak mendalam kepada dunia perniagaan bergerak pantas seiring dengan teknologi semasa.

Sebagai sebahagian daripada proses automasi pintar, perniagaan mesin layan diri adalah salah satu trend baharu sesuai dengan peredaran pasaran masa kini.

Justeru, JV Smart Vending Sdn Bhd melalui Program Pemilik Pintarnya, sesiapa sahaja boleh menjadi pemilik perniagaan dan menjana pendapatan bulanan lumayan untuk dirinya sendiri.

Ditubuhkan pada 2017, syarikat ini mengkhusus dalam mesin layan diri terurus sepenuhnya dan perkhidmatan selepas jualan.

Ia menyediakan mesin layan diri seperti layan diri untuk minuman kopi, snek



TAJAAN: Winston (dua kiri) menyampaikan replika cek tajaan kepada wakil See Hua Marketing Sdn Bhd Sheryl Ung (tiga kanan) untuk cabutan bertuah Mitraf 25 di Miri.

dan minuman tin dan botol.

JV Smart Vending Sdn Bhd ialah pembekal mesin layan diri terbesar di Malaysia, Brunei dan Singapura.

Beribu pejabat di Johor Bahru, ia membuka sebuah cawangan di Miri.

Pelanggannya termasuk sekolah, kolej, universiti, kilang, hospital, pejabat kerajaan, stesen bas, stesen LRT dan MRT, masjid, stesen kereta api, tempat Rehat & Rawat (R&R) lebuh raya, pangsapuri, kondominium

dan rumah kelab.

Dewasa ini, pelanggan sentiasa mencari perkhidmatan menyediakan apa yang mereka perlukan - 24 jam sehari.

Walaupun kedai serbaneka mungkin mudah didapati namun tidak selalu dibuka.

Pelanggan mungkin ingin membeli snek atau tin minuman pada tengah malam, justeru di situlah fungsi mesin layan diri.

Program Pemilik Pintar JV Smart Vending Terbahagi kepada tiga pakej: Pakej A,

Pakej B dan Pakej C di mana sesiapa sahaja walaupun tanpa pengetahuan perniagaan dan pemasaran boleh menjadi usahawan mesin layan diri.

Bakal usahawan berminat hanya perlu mengeluarkan modal tertentu untuk menyertai program perniagaan ini dan syarikat JV Smart Vending akan menguruskan selanjutnya.

Setelah perjanjian ditandatangani dan pembelian dibuat, pemilik tidak perlu risau tentang tempat meletakkan mesin layan diri mereka, stok (minuman dan makanan ringan) dan penyelenggaraan semua ini diuruskan oleh syarikat.

Keperluan modal ialah RM30,000 untuk Pakej A dan RM25,000 untuk Pakej B.

Bagi usahawan yang mengambil Pakej A dan B boleh memperolehi 65 peratus daripada jumlah jualan dihasilkan oleh setiap



02 NOV, 2022

Program Pemilik Pintar JV Smart Vending mampu jana pendapatan kepada usahawan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 3

mesin layan diri.

Selain itu, untuk tempoh 36 bulan (atau tiga tahun), usahawan mengambil Pakej A boleh mendapat bayaran minimum bulanan dijamin sejumlah RM1,300 manakala pemilik yang mengambil pakej B boleh mendapat pendapatan minimum dijamin RM1,000 setiap bulan.

Pakej C agak unik kerana usahawan boleh menyewa setiap slot dengan harga minimum RM1,000 (dengan maksimum 10 slot) dalam mesin layan diri.

Pulangan adalah berdasarkan perkongsian keuntungan sebanyak empat hingga enam peratus daripada jumlah jualan selama tiga tahun.

Selain itu, terdapat juga bonus tahunan sebanyak lima hingga 10 peratus daripada keuntungan tahunan berdasarkan jumlah slot.

Justeru, Program Pemilik Pintar JV Smart Vending

ini berpotensi menjana pendapatan bulanan kepada pemilik mesin layan diri.

Syarikat ini kini mempelawa bakal usahawan menyertai program ini bagi menjana pendapatan bulanan untuk diri mereka sendiri.

Di Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) pengedar tunggal untuk mesin layan diri JV Smart Vending Sdn Bhd ialah Borneo MA Smart Vendors Sdn Bhd.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Pengurus Pemasaran Borneo MA Smart Vendors Sdn Bhd Winston Ung di talian 016-8719459 atau e-mel ke jvsmartvending@gmail.com.

Borneo MA Smart Vendors Sdn Bhd merupakan penaja utama cabutan bertuah Pesta Usahawan Miri Ke-25 (Mitraf 25), di mana pameran perdagangan itu berlangsung di Bintang Megamall dari 3 hingga 6 November ini.



02 NOV, 2022

Program Pemilik Pintar JV Smart Vending mampu jana pendapatan kepada usahawan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

MIRI: Revolusi Perindustrian Keempat atau Revolusi Industri 4.0 berkonsepkan penggunaan automasi pintar memberi impak mendalam kepada dunia perniagaan bergerak pantas seiring dengan teknologi semasa. Sebagai sebahagian daripada proses automasi pintar, perniagaan mesin layan diri adalah salah satu trend baharu yang sesuai dengan peredaran pasaran masa kini. Justeru, JV Smart Vending Sdn Bhd melalui Program Pemilik Pintarnya, sesiapa sahaja boleh menjadi pemilik perniagaan dan menjana pendapatan bulanan lumayan untuk dirinya sendiri.